



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 15 Ogos 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

KPDN targeting 100,000 new price catcher users by year-end

KUALA LUMPUR: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) aims to attract at least 100,000 new users to the Price Catcher application by year-end, adding to the more than 552,000 downloads recorded so far.

Its Deputy Minister Datuk Dr Fuziah Salleh expressed confidence that the target could be achieved, noting that

the Price Catcher application, introduced in 2019 as a price comparison platform, has proven highly useful in helping users make informed decisions when purchasing daily necessities.

She said that of the total number of registered users, only 62 per cent actively used the application, indicating that awareness of the Price Catcher platform remains low.

"I believe there are several factors contributing to this, including consumer habits, but the entire responsibility should not rest on consumers alone. Advocacy is a shared responsibility involving the ministry, non-governmental organisations (NGOs), consumers, and the community as a whole. — Bernama

KPDN sasar 100,000 pengguna baharu aplikasi 'Price Catcher' akhir tahun ini

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup menyasarkan menambah sekurang-kurangnya 100,000 pengguna baharu aplikasi Price Catcher menjelang akhir tahun ini, berbanding lebih 552,000 pengguna yang memuat turun aplikasi berkenaan setakat ini.

Timbalan menterinya Datuk Dr Fuziah Salleh berkata, beliau yakin sasaran itu mampu dicapai memandangkan aplikasi berkenaan sebagai platform perbandingan harga yang diperkenalkan pada 2019 amat berguna kepada pengguna untuk membuat keputusan bijak dalam pembelian barangan keperluan harian.

Fuziah berkata daripada jumlah pengguna aplikasi itu, hanya 62 peratus yang benar-benar menggunakannya sekaligus menunjukkan tahap kesedaran terhadap aplikasi Price Catcher dalam kalangan pengguna masih rendah.

"Saya kira ada beberapa faktor (tahap kesedaran masih rendah) antaranya pengguna itu sendiri, tetapi saya tidak rasa kita harus letakkan beban sepenuhnya kepada pengguna. Peranan advokasi ini adalah tanggungjawab bersama melibatkan kementerian, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pengguna serta masyarakat itu sendiri.

"Tidak boleh kata bahawa pengguna tidak sedar sebab mereka tidak mahu ambil tahu. Ini peranan semua pihak untuk memastikan bahawa ada kesedaran tinggi terhadap penggunaan aplikasi berkenaan," katanya ketika temu bual eksklusif bersama Bernama baru-baru ini.

Sehubungan dengan itu, Fuziah berkata KPDN sentiasa berusaha untuk menambah baik aplikasi terbabit bagi meningkatkan pengetahuan pengguna terhadap kedudukan harga barang serta memanfaatkan aplikasi dalam membuat keputusan pembelian.

"Kita tak boleh kawal semua harga sebab kita berada dalam ekonomi pasaran bebas, penentuan harga

adalah berdasarkan faktor permintaan dan penawaran di pasaran tetapi pengguna boleh membuat keputusan untuk memilih," katanya.

Fuziah berkata KPDN juga bergiat aktif dalam mempromosikan aplikasi Price Catcher melalui program-program advokasi kepenggunaan seperti Karnival Beli Barangan Malaysia, Jelajah KPDN, Program MADANI Rakyat, Jualan Rahmah dan sebagainya.

"Beruai dan pameran advokasi aplikasi Price Catcher dibuka kepada orang ramai bagi pertanyaan lanjut serta membantu mereka memuat turun aplikasi itu, malah KPDN juga memberikan taklimat mengenai aplikasi berkenaan dalam program-program KPDN yang dijalankan," katanya.

Mengulas mengenai cabaran utama dalam usaha mengemas kini maklumat harga dalam aplikasi Price Catcher bagi memastikan pengguna mendapat maklumat harga barangan terkini, Fuziah berkata ia termasuk perubahan harga yang dilakukan oleh sesetengah premis selepas pemantauan dijalankan.

"Perubahan harga bergantung kepada strategi perniagaan premis masing-masing. Ada premis yang menukar harga secara harian atau dua kali seminggu, malah ada yang melakukannya bergantung kepada barangan itu, seperti barangan segar yang dijual pada harga lebih tinggi," katanya.

Fuziah menjelaskan Pegawai Pemantau Harga (PPH) memantau pasar basah pada awal pagi dan mengemas kini harga di pasar terbabit sebelum 10 pagi, manakala pemantauan di pasar raya pula dijalankan mengikut masa premis beroperasi dan harga dikemas kini sebelum jam 12 tengah hari.

Antara cabaran lain yang turut dihadapi, iaitu barangan yang dipantau tidak berada di rak ketika pemeriksaan dijalankan sekali gus menyebabkan tiada harga dapat direkodkan serta dipaparkan dalam aplikasi Price Catcher. — Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM

Aduan pengaruhi pematuan sijil halal

Maklum balas dikemukakan masyarakat memberikan input penting dalam usaha menambah baik pematuan pensijilan halal



DR MADIHATUN ZAINUDDIN
Pensyarah Kanan
Pengajian Islam, Pusat
Pengajian Islam,
Umum dan Bahasa,
Universiti Poly-Tech
Malaysia (UPTM)

KESEDARAN masyarakat terhadap status halal produk di Malaysia semakin meningkat, bukan sahaja dalam kalangan pengguna Islam, malah turut mendapat perhatian pengguna bukan Islam.

Fenomena itu sekali gus memberi isyarat kepada pengusaha termasuk yang bukan beragama Islam untuk memastikan produk mereka bebas daripada unsur syubhah demi menjaga kepercayaan pelanggan.

Sehubungan itu, maklum balas masyarakat khususnya dalam bentuk aduan memainkan peranan besar bagi menambah baik sistem pengurusan pensijilan halal di mana mana agensi Islam.

Aduan yang diterima bukan sekadar memberi isyarat kepada kelemahan sedia ada, malah menjadi pemangkin kepada penambahbaikan strategi dan prosedur kerja.

Aduan masyarakat datang daripada pelbagai pihak seperti pelanggan, peniaga, usahawan atau pemerhati.

Aduan dihantar melalui saluran seperti e-mel, telefon, kunjungan terus atau platform digital seperti ePINTAS.



ADUAN mengenai restoran atau produk yang tidak mematuhi peraturan pensijilan halal yang ditetapkan pihak berwajib merupakan hak pengguna.

Antara aduan yang sering diterima termasuk penyalahgunaan logo halal, penggunaan istilah berkaitan halal tanpa kelulusan, masalah kebersihan premis dan pelabelan yang mengelirukan.

Aduan itu biasanya dibahagikan kepada dua kategori iaitu aduan melibatkan pemegang sijil halal dan aduan yang langsung tidak melibatkan pemegang memiliki sijil halal.

Cabaran pematuan pensijilan halal

Bagaimanapun, kajian mendapati terdapat beberapa cabaran besar yang membantutkan kelancaran proses tindakan pengurusan pensijilan halal.

Antaranya, bukti tidak lengkap daripada pengadu, sikap sesetengah pihak yang menularkan isu di media sosial sebelum membuat laporan rasmi dan bergantung kepada kerjasama agensi lain seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup serta Kementerian Kesihatan Malaysia untuk tindakan penguatkuasaan.

Kekurangan dokumen sokongan seperti gambar, resit atau maklumat jelas membuatkan siasatan sukar dijalankan.

Apabila isu ditularkan terlebih dahulu, ia kadangkala memberi peluang kepada pihak yang disiasat untuk 'membersihkan' bukti sebelum tindakan diambil.

Penambahbaikan dan strategi baharu

Pelbagai usaha penambahbaikan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh salah sebuah agensi Islam bagi menambahbaik pengurusan pensijilan halal, antaranya:

1 Sistem e-cert

Membolehkan sijil halal dicetak terus oleh syarikat selepas kelulusan dalam sistem tanpa menunggu proses manual yang lama.

2 Fast track

Kelulusan segera tanpa audit lapangan bagi permohonan yang tiada ramuan kritikal.

3 Audit kombo

Gabungan semakan dokumen dan audit di tapak secara serentak untuk memendekkan tempoh kelulusan.

4 Peningkatan piagam pelanggan

Memastikan semua aduan diberi maklum balas dalam tempoh tiga hari bekerja.

Langkah-langkah tersebut bukan sahaja meningkatkan kecekapan kerja, malah mengurangkan beban kakitangan walaupun jumlah permohonan sijil halal terus meningkat setiap tahun.

Kesimpulannya, antara beberapa langkah penambahbaikan bagi menjamin pengurusan pensijilan halal pada masa depan yang lebih bersistematik dan memudahkan untuk semua antaranya ialah menilai keberkesanan sistem digital seperti MyHalal dan ePINTAS serta membina model penglibatan masyarakat lebih menyeluruh dalam pemantauan isu halal.

Suara masyarakat merupakan indikator penting bagi menilai keberkesanan sistem pensijilan halal.

Aduan yang disalurkan melalui saluran rasmi perlu diurus secara telus, cepat dan berkesan supaya keyakinan awam terus meningkat.

Kajian seperti itu diharap dapat menjadi rujukan kepada agensi-agensi Islam lain di seluruh negara untuk membina sistem pengurusan halal yang lebih responsif, inovatif dan berdaya saing, sekali gus memastikan produk yang sampai kepada pengguna benar-benar memenuhi prinsip halal dan toyyiban.



ADUAN dan maklum balas daripada masyarakat membolehkan kelemahan dalam pematuan pensijilan halal ditambah baik dari masa ke masa.

மூன்று சாத்தியங்கள் உள்ளன



கோலாலம்பூர்,
ஆக. 15-
தற்போது 26
ரிங்கிட்டிற்கு விற்கப்படும்
10 கிலோ உள்நாட்டு
அரிசியில் தரமில்லை
என்று புக்கிட் கந்தாங்
எதிர்க்கட்சி நாடாளுமன்ற
உறுப்பினர் சைட் அபு
ஹுசைன் ஹஃபிஸ் சைட்
அப்துல் பஸால்
முறையிட்டுள்ளார்.
இந்த உள்நாட்டு 10
கிலோ அரிசி மூட்டையில்
40 விழுக்காடு அளவு
குறுணை அரிசி
கலந்திருக்கிறது.

இதனால்
அதனை வாங்க
பயனிட்டாளர்கள்
ஆர்வம் செலுத்துவ
தில்லை என்று அவர்
சுட்டிக்காட்டினார்.

**10 கிலோ மூட்டையில்
உள்நாட்டு அரிசி
தரமில்லை**
40 விழுக்காடு குறுணை அரிசி கலப்பு

பக்கம்
13

முதல் பக்கத் தொடர்ச்சி

10 கிலோ மூட்டையில் ...

நேற்று மக்களவையில் 13ஆவது மலேசியத்
திட்டம் மீதான விவாதத்தில் கலந்துகொண்டு
அவர் பேசினார். வாங்குவதற்கு ஆள் இல்லை
என்பதால் சந்தையில் உள்நாட்டு அரிசி
விநியோகம் மிதமிஞ்சி இருப்பதாக உள்நாட்டு
வர்த்தக வாழ்க்கைச் செலவினத்துறை துணை
அமைச்சர் ஃபுசியா சாலே கூறியிருப்பதை அவர்
நிராகரித்தார்.

உள்நாட்டு அரிசி முறைகேடு பற்றி

பிரச்சினை ஏதும் இல்லை. ஆனால் 26
ரிங்கிட்டிற்கு விற்கப்படும் உள்நாட்டு அரிசியின்
தரம் மிகக்குறைவாக இருக்கிறது. இதனால்
அதை வாங்குவதற்கு ஆள் இல்லை என்று அவர்
சொன்னார்.

உண்மையில் உள்நாட்டு அரிசியை
வாங்குவதற்கு ஆள் இல்லை என்பது காரண
மல்ல. ஆனால் அந்த அரிசி தரம் குறைந்ததாக
உள்ளது. மூட்டையில் 40 விழுக்காடு குறுணை
அரிசி கலந்திருக்கிறது. குறுணை அரிசியைச்
சாப்பிட யார்தான் விரும்புவார்கள். வழக்கமாக
15 முதல் 17 விழுக்காடு வரைதான் குறுணை
அரிசி கலந்திருக்கும் என்று அவர்
மக்களவையில் கூறினார்.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 15 OGOS 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
15-Aug	KPDN Sasar 100,000 Pengguna Baharu Aplikasi "Price Catcher" Akhir Tahun Ini	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2456457	BERNAMA
15-Aug	KPDN Targeting 100,000 New Price Catcher Users By Year-end	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2456456	BERNAMA
15-Aug	KPDN Targeting 100,000 New Price Catcher Users By Year-end	https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-targeting-100000-new-price-catcher-users-by-year-end-EE14679872	THE SUN
15-Aug	KPDN targeting 100,000 new price catcher users by year-end	https://newswav.com/article/kpdn-targeting-100-000-new-price-catcher-users-by-year-end-	NEWSWAV
15-Aug	KPDN beri amaran stesen minyak benar warga Singapura isi RON95	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/08/1433321/kpdn-beri-amaran-stesen-minyak-benar-warga-singapura-isi-	BERITA HARIAN
15-Aug	Tular lagi kenderaan Singapura isi RON95 di Johor	https://www.sinarharian.com.my/article/743483/berita/semasa/tular-lagi-kenderaan-singapura-isi-	SINAR HARIAN
15-Aug	Man caught pumping RON95 into SG-registered Toyota Harrier in JB	https://thesun.my/viral/going-viral/man-caught-pumping-ron95-into-sg-registered-toyota-harrier-in-jb-BL14683130	THE SUN